

Headline	Pelbagai ragam peserta bawa durian		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	25,26	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	1783 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 46,449
Frequency	Daily	PR Value	RM 139,348



HORIZON

JALAN-JALAN MAKAN AI

Kosmo! • KHAMIS 8 OGOS 2019

Ikuti kami di Kosmo_Online

Cabaran Larian Durian

Larian sambil membawa durian menggunakan daya kreativiti peserta berjaya menarik ramai penggemar durian untuk merasai pengalaman yang unik itu.

Headline	Pelbagai ragam peserta bawa durian		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	25,26	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	1783 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 46,449
Frequency	Daily	PR Value	RM 139,348

KOSMO! KHAMIS 8 OGOS 2019

26 HORIZON
JALAN-JALAN MAKAN ANGIN

Oleh AZHAR AHMAD
Foto AMIR KHALID

KECERIAAN terpancar diwajah peserta setelah berjaya menamatkan larian membawa durian.

PARA peserta melakukan senaman meregangkan otot sebelum memulakan larian.



SETIAP peserta dibekalkan sebijik buah durian pada acara itu.

PESERTA turut memeriahkan larian dengan memakai kostum adiwira terkenal iaitu Black Panther dan Donald Duck.

Pelbagai ragam peserta bawa durian

KAKAK macam mana hendak bawa durian sambil berlari ni.

"Berat la...adik ambil buah durian yang ringan saja ya," kata seorang peserta yang menyertai pertandingan Larian Durian yang diadakan di Bangi Golf Resort (BGR), Selangor pada 14 Julai lalu.

Noor Marzatul Aini Md. Ladin, 21, berkata, dia menyahut cabaran bagi membawa buah durian sambil berlari sejauh 4 kilometer.

"Saya pertama kali menyertai larian seumpama ini dengan memakai pakaian maskot tupai tanah (chipmunk) datang seawal pukul 6.30 pagi.

"Larian ini agak mencabar meskipun jarak lariannya dekat kerana keadaan bentuk muka bumi BGR yang tidak rata dan berbukit," jelasnya.

Tambahnya, berlari naik turun bukit kecil memang betul-mencabar dan melelahkan.

"Syukurlah kerana cuaca pada hari ini redup."

"Oleh kerana itu, akhirnya larian durian telah bertukar menjadi berjalan sambil membawa durian," ujarnya.

Seorang lagi peserta, Mohd. Azran Khan, 26, berkata, dia

INFO Larian Durian BGR

- Bilangan peserta: 600 orang
- Tempat: Bangi Golf Resort, Selangor.
- Jarak larian: 4km
- Laman web rasmi: www.bangifarmresort.com/durian-run/

menampilkan keunikan apabila membawa durian seperti membawa obor apabila meletakkan durian di dalam bekas khas yang lengkap dengan sebatang kayu.

"Saya juga berlari bersama burung nuri yang dibawa khusus untuk larian durian kali ini.

Kreativiti

"Memang sukar berlari dengan berat durian dan membawa burung nuri bersama tetapi saya amat berpuas hati kerana dapat menamatkan larian ini," tuturnya.

Dalam pada itu, Pengarah Larian Durian BGR, Raja Zefri Raja Zahabuddin berkata, acara larian yang dianjurkan oleh BGR sempena Festival Durian 2019 telah memasuki kali kedua

penganjurannya pada tahun ini.

"Larian ini bertujuan melihat kreativiti para peserta membawa buah durian sambil berlari.

"Kami memilih durian kerana ia Raja Buah dan amat sesuai untuk pertandingan ini," katanya.

Menurutnya, sambutan amat menggalakkan apabila seramai 600 peserta

menyertaiannya pada tahun ini.

"Kami juga menyasarkan 3,000 peserta pada penganjuran tahun depan. Acara tahunan ini dirancang untuk diadakan di seluruh negara," ujarnya.

Raja Zefri mengulas lanjut, dia juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Syarikat Dulai Fruit Enterprise yang telah menaja lebih daripada 700 biji durian untuk

peserta dan hadiah utama pada kali ini.

"Selain aktiviti larian ini, kita juga mengadakan kejohanan dunia durian edisi Malaysia, pasar tani, seminar dan simposium, larian durian dan konsert Raja Buah.

"Misalnya, pada kejohanan dunia durian edisi Malaysia nanti kami ingin membekalkan Musang King, Duri Hitam dan D24," jelasnya.



PESERTA Larian Durian 2019 memulakan larian semasa majlis pelepasan di Bangi Golf Resort baru-baru ini.